

**NILAI KEMANUSIAAN DALAM KUMPULAN CERPEN
MU.ANBUCHELVAN DARI PERSPEKTIF TEORI MORAL**

LATHA A/P MURUGUSU

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SASTERA
(KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai kemanusiaan, menganalisis unsur pengajaran, dan meneliti aspek kesan terhadap watak dan perwatakan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan yang akan dikaji ialah *Thavathin Valimai*, *Thi:pangkal:*, dan *Mu.Anpucelvan Citukathaikal:* yang berjumlah empat belas buah cerpen. Kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta teori Moral digunakan untuk mengkaji kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lapan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Antara lapan nilai kemanusiaan, sebanyak empat buah cerpen mempunyai nilai keinsafan, tiga buah cerpen ada mengandungi nilai pengorbanan dan dua buah cerpen mempunyai nilai kasih sayang. Nilai tanggungjawab, nilai pemurah, nilai ketaatan, nilai membantu dan nilai bermaruah hanya ada pada sebuah cerpen. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen ini membawa mesej yang mendalam bagi membina sahsiah diri, keluarga dan masyarakat yang sempurna. Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai kemanusiaan sangat penting dan perlu diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kesan positif dalam cerpen-cerpen yang dikaji boleh dijadikan teladan, panduan dan renungan bersama. Manakala, kesan negatif dalam cerpen-cerpen itu boleh dijadikan teladan untuk difikirkan secara bernes.



HUMANITARIAN VALUES IN THE SHORT STORY BY MU.ANBUCHELVAN FROM THE MORAL THEORY PERSPECTIVE

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the humanitarian values, analyse the teaching elements and examined the effects of the characters and characterization portrayed in the short stories by Mu.Anbuchelvan. There were fourteen short stories compiled by Mu. Anbuchelvan. The short stories used in this study were *Thavathin Valimai*, *Thi:pangkal:*; and *Mu.Anbucelvan Citukathaikal:* by Mu.Anbuchelvan. A qualitative methods of library research, encompassing textual analyses and Moral theory were used to study the short stories. Findings revealed that there were eight humanitarian values in the short stories compiled by Mu.Anbuchelvan. Among the eight human values, four short stories had regret values, three short stories were about sacrificing values and two short stories revolved around the value of love. The responsibility, generosity, loyalty, helping and dignity values existed only in short stories. The human value found in these short stories conveyed a deep message for an ideal character building, family and society. The findings revealed that humanitarian values were important and should be applied in everyday life. The positive effects examined in the short stories could be used as an example, guide, and thoughts to ponder. Meanwhile, the negative effects in the short stories can be made as an example to think as a whole.

KANDUNGAN**Muka surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI TRANSLITERASI TAMIL	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	10
1.4 Objektif kajian	12
1.5 Soalan kajian	12
1.6 Kepentingan kajian	13
1.7 Batasan kajian	15
1.8 Definisi konsep	19

1.8.1	Nilai	19
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
1.8.2	Kemanusiaan	23
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
1.8.3	Cerpen	25
1.9	Kesimpulan	26
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	27
2.2	Kajian-kajian lepas	28
2.3	Kesimpulan	44
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.2.1	Kaedah Kualitatif	48
3.2.2	Kaedah Analisis Teks	48
3.2.3	Kaedah Kepustakaan	49
3.3	Teori	50
3.3.1	Teori Moral	52
3.3.2	Aplikasi teori moral dalam cerpen-cerpen kajian	58
3.4	Kesimpulan	62
BAB 4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	64
4.2	Nilai Kemanusiaan	64

4.2.1	Bertanggungjawab	64
4.2.2	Kasih Sayang	69
4.2.2.1	Kasih Sayang Abang Kepada Adik	70
4.2.2.2	Kasih Sayang Ibu Kepada Anak	75
4.2.3	Pengorbanan	79
4.2.3.1	Pengorbanan Ayah Untuk Keluarga	79
4.2.3.2	Pengorbanan Ayah Kepada Anak	83
4.2.3.3	Pengorbanan Ayah Untuk Pendidikan	85
4.2.4	Membantu	88
4.2.5	Ketaatan	93
4.2.6	Pemurah	97
4.2.7	Keinsafan	100
4.2.7.1	Keinsafan Seorang Pemuda	101
4.2.7.2	Keinsafan Seorang Suami	103
4.2.7.3	Keinsafan Seorang Ayah	106
4.2.7.4	Keinsafan Seorang Pemuda	109
4.2.8	Bermaruah	115
4.3	Unsur Pengajaran	
4.3.1	Pengenalan	122
4.3.2	Menjadi Suami Yang Bertanggungjawab	125
4.3.3	Harus Memiliki Sifat Pemurah	127
4.3.4	Perlu Memiliki Sifat Kasih Sayang Dalam Keluarga	129
4.3.5	Isteri Harus Bersikap Adil Kepada Suami Dan Anak	130

4.3.6	Elakkan Perbuatan Membunuh Diri	133
4.3.7	Sabar Menghadapi Pelbagai Cabaran	135
4.3.8	Perlu Menjaga Kesihatan Diri	137
4.3.9	Menjadi Ayah Yang Sedia Berkorban	139
4.3.10	Memberi Bantuan Kepada Yang Memerlukan	141
4.3.11	Perlu Menepati Masa	143
4.3.12	Memberi Sumbangan Kepada Masyarakat Sendiri	144
4.3.13	Ketabahan Membawa Kejayaan	145
4.3.14	Menjadi Ibu Yang Berdisiplin	146
4.3.15	Sifat Percaya Dalam Keluarga	148
4.3.16	Jangan Terpedaya Dengan Hawa Nafsu	150
4.3.17	Menjadi Isteri Yang Bertanggungjawab	153
4.3.18	Perlu Menjauhi Diri Daripada Gejala Minum Arak	155
4.3.19	Harus Percaya Dengan Kejayaan Negara Sendiri	158
4.3.20	Jangan Terlalu Mementingkan Diri Sendiri	159
4.4	Aspek Kesan Terhadap Watak dan Perwatakan	
4.4.1	Pengenalan	162
4.4.2	Dapat Menyelesaikan Masalah	165
4.4.3	Hidup Bahagia Dalam Keluarga	166
4.4.4	Perubahan Kejiwaan	167
4.4.5	Hidup Yang Malang	169
4.4.6	Berjaya Dalam Kehidupan	170
4.4.7	Tidak Mencapai Cita-cita	171

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.8 Mengubah Nasib Seseorang	173	174
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.9 Hubungan Keluarga		
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.10 Pemberian Ikhlas	176	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.11 Perubahan Sikap	177	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.12 Keretakan Dalam Keluarga	178	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.13 Maut	180	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.14 Cinta Akan Negara	182	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.15 Maruah Politik	183	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.5 Kesimpulan	186	
 BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN		
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.1 Pengenalan	188	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	188	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.3 Cadangan	207	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.4 Penutup	211	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
RUJUKAN		214

SENARAI JADUAL

No. Jadual
Muka Surat

1.1	Senarai Cerpen dalam Kumpulan Cerpen Mu.Anbuchelvan	16
1.2	Senarai Cerpen yang Dipilih untuk Kajian	18
4.1	Senarai Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen yang Dikaji	119
4.2	Bilangan Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen yang Dikaji	120
4.3	Senarai Unsur Pengajaran dalam Kumpulan Cerpen yang Dikaji	161
4.4	Senarai Aspek Kesan terhadap watak dan perwatakan dalam Kumpulan Cerpen yang Dikaji	185

SENARAI RAJAH**No. Rajah****Muka Surat**

3.1	Kerangka Teoritikal Kajian	58
3.2	Aplikasi Teori Moral dalam Cerpen-Cerpen Kajian	62

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

SENARAI SINGKATAN

FPN **Falsafah Pendidikan Negara**

ICT **Teknologi Maklumat dan Komunikasi**



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Culture. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

VOKAL

அ	a	ஆ	a:	இ	i	ஈ	i:	உ	u	ஊ	u:
எ	e	ஏ	e:	ஐ	ai	ஓ	o	ஓ	o:	ஓளை	au

KONSONAN

க	k	ய	y	ங்	ng
ச	c	ர்	r	ஞ்	nj
ட்	t:	ல்	l	ன்	n:
த்	th	வ்	v	ந்	nh
ப்	p	ஃ	l-	ம்	m
ற்	tr	ள்	l:	ன்	n

SANSKRIT

j

ஹ

h

ஷி

sh

ஶி

sri

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kesusasteraan merupakan satu bidang yang luas dan meliputi kumpulan genre-genre termasuk puisi, drama, novel dan cerpen. Cerpen adalah antara genre yang popular dalam kesusasteraan Tamil. Menurut Subramaniam (1980:47), selepas zaman pendudukan Jepun, kesedaran nasionalis tempatan dan perkembangan penerbitan akhbar menyebabkan masyarakat India telah berjaya menghasilkan sastera tulen yang mendapat tempat di akhbar dan majalah tempatan seperti *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu*, *Malaya Nanban*, *Kalanjiyam*, *Janayagam*, *Desai Nesan*, *Tamil Sudar*, *Solai Sevika Muyarchi*, *Tamil Kodi*, *Munnetram*, *Nakarikam*, *Sangamani*, *Tirumukam* dan *Malaimaka*.

dianggap sebagai sastera yang matang. Kaum Tamil di negara ini menjadi waris kepada sastera yang kaya dengan budaya.

Rahman Bujang (1997:93) menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan ilmu yang dinamik yang boleh mengubah corak pemikiran sesebuah masyarakat. Dengan mempelajarinya sebagai salah satu disiplin ilmu, kesusasteraan mampu menjana minda dan mengubah manusia daripada bersifat jahil kepada berpengetahuan dan daripada bersifat daif kepada bersifat istimewa.

Manakala Noriah Taslim (1996:34) berpendapat bahawa sastera adalah sebagai pembina moral dan pengasuh etika yang mulia dibicarakan sejak zaman Plato dan Aristotle lebih 3000 tahun dahulu. Sastera sebagai “dunia nilai-nilai” yang bersabit dengan keunggulan-keunggulan moral dan sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji sebenarnya menjadi inti wacana sastera epik Gilgamesh dicipta beribu tahun sebelum Plato dan Aristotle.

Muhammad Haji Salleh (2000:47) pula menyatakan bahawa sastera bukan hanya berfungsi sebagai penghibur tetapi juga membantu mendidik manusia ke arah nilai-nilai yang mulia. Sastera yang diisi dengan wadah rohaniah dan akliah dapat menggerakkan manusia berfikir dan seterusnya bertindak ke arah kesempurnaan kemajuan dan kebaikan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penulisan karya merupakan satu ciptaan yang menarik kerana di dalamnya membicarakan tentang sesuatu hal dan kejadian. Menurut Jelani Harun (2004:13), kesusasteraan adalah berasaskan kepada nilai seni dan nilai kemanusiaan yang tinggi. Walau apa pun keadaan dan apa juga bentuk ruang dan modnya, ia harus kembali kepada dasar ketinggian seperti cerpen berfungsi untuk menghiburkan dan mendidik masyarakat untuk menghayatinya, sama ada melalui media cetak, media elektronik dan melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Cerpen juga mampu memberikan kesedaran kepada pembaca dan penghayat.

Genre cerpen merupakan penulisan kreatif yang meluas. Menurut Subramaniam (1980:3),

The short story emerged as a new literary genre in the last few decades of nineteenth century from that day it has shown a more surprising and steady development than any other literary form. It is the latest addition to the body of imaginative.

Daripada pernyataan tersebut, beliau merumuskan bahawa cerita pendek muncul sebagai genre sastera baharu dalam beberapa dekad yang lalu pada abad kesembilan belas. Dari hari itu, ia telah menunjukkan perkembangan yang mengejutkan dan mantap berbanding dengan genre-genre yang lain. Ia merupakan penambahan terbaharu kepada badan imaginasi.

Migrasi kaum Tamil dari India Selatan ke Tanah Melayu menjelang abad ke-19 menjadi perintis kepada perkembangan tradisi sastera Tamil tempatan. Daripada buruh-buruh India yang datang ke negara ini, jumlah yang besar sekali berasal dari India Selatan. Kumpulan etnik yang terbesar ialah Tamil, Telegu dan Malayalee. Data tahun 1921 menunjukkan jumlah kaum buruh India adalah terdiri daripada 387,509 orang Tamil, 39,986 orang Telegu dan 171,190 orang Malayalee (Mahajani, Usha, 1973:103).

Kedatangan mereka pada abad ke-19 telah membawa perubahan besar pada struktur masyarakat Malaysia. Berasaskan dasar pecah dan perintah pihak Inggeris pada masa itu, mereka ditempatkan pada tempat yang asing di dalam estet getah. Kehidupan mereka di sana yang miskin dan serba kekurangan merupakan suatu tumpuan kepada cerpen-cerpen Tamil untuk memasukkan mereka ke dalam dunia penulisan karya sastera.

Penulisan cerpen dalam bahasa Tamil diperkenalkan oleh Mahakavi Bharatiyar (1882-1921) di Tamil Nadu, India dan diikuti dengan A.Mathavaiya (1910-1920) dengan koleksi cerpen yang berjudul *Kucigar Kuttik Kathaigal*. Kemudian, diikuti dengan karya *Natesa Sastry*. Beliau memperkenalkan antologi yang berjudul *Tanavan Enra Polis Nipunan Kantu Pitita Kurrankal*. Namun, karya V.V.S. Aiyar yang diterbitkan pada 1927 yang bertajuk *Mankaivarkkaraci Katal Mutaliya Kataikal* menjadi titik peralihan kepada sejarah perkembangan sastera cerpen Tamil (Singaravelu, 1980:10).

Menurut Kartigesu (1978:3), tarikh permulaan cerpen Tamil di Malaysia agak sukar untuk ditentukan. Mengikut C.V. Kuppusamy, terdapatnya cerpen-cerpen Tamil dalam akhbar-akhbar Tamil dalam tahun 1930-an. *Majalah Munnetram, Tamil Murasu, Tamil Nesan, Malai Nadu* memuatkan cerpen-cerpen Tamil. Ungku A.Aziz (1977:x) menyatakan bahawa kelahiran akhbar Tamil dalam tahun 1924 dan majalah-majalah merupakan titik peralihan dalam penulisan Tamil di negara ini. Di dalam akhbar dan majalah cerpen Tamil mula mendapat tempat. Isinya mengandungi ciri-ciri didaktik dan pembentukan moral.

Penulisan cerpen Tamil Malaysia bermula sejak tahun 1930. Selepas satu perkembangan yang agak lembap pada peringkat awal, cerpen-cerpen Tamil di Tanah Melayu mengalami kematangan pada tahun 1950 dan suatu perkembangan yang agak pesat dalam tahun-tahun 1960, 1970 dan sehingga sekarang. Cerpen Tamil pertama di Malaysia dihasilkan oleh Ve.Sinniah Pillai. Karya antologi cerpen beliau yang berjudul *Navarasa Katai Manchari: Ivai Inia Karupitak Kataikal* ialah karya cerpen Tamil yang pertama di negara ini (Subramaniam, 1980:4).

Selain daripada itu, perasaan cinta terhadap bahasa, peradaban dan bangsa tercetus selepas Perang Dunia Kedua dan ia merupakan faktor utama kewujudan karya sastera kreatif Tamil di Tanah Melayu. Walaupun budaya India telah pun dikenal pasti pada awal-awal lagi, perkembangan sastera Tamil yang tulen hanya wujud di negara ini dengan kehadiran buruh India yang kebanyakannya terdiri daripada golongan Tamil (Dhandayudham, 1983:114-115).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, penulis-penulis cerpen Tamil sudah mencapai satu identiti yang tersendiri. Cerpen-cerpen Tamil mengatur satu langkah baharu. Pada tahun 1958, satu pertubuhan penulis dengan nama Persatuan Penulis-Penulis Tamil Malaya telah berjaya ditubuhkan. C.V. Kuppusamy menjadi pengurus dan S.Veluswamy menjadi setiausaha persatuan tersebut (Karthigesu, 1973:25).

Dunia cerpen Tamil Malaysia juga mengalami perubahan-perubahan dalam aspek sejarah serta struktur. Menurut Kartigesu (1973:74-76),

“The field of Malaysian Tamil short stories has had bright signs of growth immaturity in the last few years. If one compares the form, contents and style of Tamil short stories of today to those of the fifties when it really began to take a shape, the growth and maturity seems to be significant.”

Berdasarkan pernyataan di atas, beliau berpendapat bahawa perkembangan bidang cerpen Tamil Malaysia telah berkembang dengan pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Jika dibandingkan gaya cerpen Tamil hari ini dengan penulis-penulis tahun 50-an, didapati ada persamaan dari segi bentuk, gaya dan kandungannya.

Kebanyakan karya-karya di sekitar tahun 1960-an ini berasaskan ‘sastera yang

berbau tanah air’. Mereka sedar akan semangat kebangsaan dan berusaha menghasilkan karya bercorak Malaysia. Pada tahun 1962, Dewan Bahasa dan Pustaka

menganjurkan Persidangan Penulis-Penulis Malaya di Singapura. Cerpenis Tamil tempatan turut menyertai persidangan itu. Penulis-penulis Cina dan Tamil berpendapat, sastera Malaya adalah karya-karya yang ditulis dalam sebarang bahasa yang digunakan di negara ini serta membawa ciri-ciri negara ini (Subramaniam, 1978:4).

Di sekitar tahun 1970-an, tema-tema hasil karya ini lebih ke arah tema sosial yang membincangkan latar kehidupan masyarakat sosial yang celik akan taraf kehidupan mereka. Kehadiran Dhandayudham pada tahun 1970-an sebagai seorang professor yang mahir dalam sastera Tamil moden di Malaysia telah membawa perubahan. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Sumbangan beliau sangat berguna kepada penulis muda yang hendak berkecimpung dalam bidang kesusasteraan Tamil. Bidang penulisan cerpen menemui alam baharu dengan pembentukan idea semasa terhadap bidang penulisan. Badan sastera, ruangan akhbar, orang perseorangan memainkan peranan penting dalam perkembangan cerpen pada era ini (Subramaniam, 1980:68).

Kesusasteraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, malah dengan pengarang. Proses kepengarangan penulis berhubung rapat dengan pengalamannya dalam masyarakat dan persekitarannya. Pengarang juga akan mengolah dengan memberikan pandangannya dengan cara tersendiri supaya karya yang dihasilkan akan menjadi lebih menarik dan menjadikan bahan bacaan yang lebih bermakna.

Pengarang sebagai anggota masyarakat akan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kehidupan yang berlaku dalam masyarakatnya. Segala peristiwa yang berlaku kepada dirinya, keluarganya dan masyarakatnya akan menjadi renungan untuk berkarya. Perhubungan pengarang dengan masyarakat akan berterusan selagi pengarang menjadi salah seorang dari anggota masyarakatnya. Maka, untuk menjadi seorang pengarang, seseorang perlu peka terhadap persekitarannya dan apa-apa sahaja yang bergolak di dalam cerpen terutamanya terhadap pelbagai persoalan hidup yang rumit.

Dalam barisan cerpenis-cerpenis Tamil Malaysia, Mu.Anbuchelvan ialah salah seorang cerpenis yang mendapat tempat yang disanjung. Beliau melibatkan diri dalam dunia penulisan cerpen pada tahun 1942 sehingga 2013. Kumpulan cerpen pertama beliau adalah berjudul *Thavathin Valimai*. Ia diikuti dengan kumpulan cerpen yang berjudul *Thi:pangkal:, Mu.Anpuceulan Citukathaikal:, Vil-iththirukkum I:yakkut:taikal:* dan *Arai Nhutta:n:tuc Citukathaikal:*. Beliau telah menghasilkan sebanyak lima buah kumpulan cerpen yang mengandungi tiga puluh lapan buah cerpen. Beliau juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan sebuah kumpulan sajak perseorangan dan sebuah novel.

Mu.Anbuchelvan (2008:ii) menyatakan bahawa cerpen-cerpen beliau bukan sahaja mendapat sambutan di negara ini malah juga di luar negara. Kumpulan cerpen beliau yang berjudul *Thi:pangkal:* mendapat pengiktirafan sebagai antologi cerpen

terbaik dalam Persidangan Cerpen-cerpen Bahasa Tamil di London. Kumpulan cerpen tersebut juga menjadi teks sastera wajib di Universiti Madras, India.

Daripada pendapat para sarjana dan pengkaji di atas bolehlah dirumuskan bahawa perkembangan cerpen Tamil Malaysia berkembang dengan pesat sejak tahun 1930-an sehingga sekarang. Perkembangan media dan peranan akhbar membantu perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Pada mulanya cerpen-cerpen yang dihasilkan adalah berlatarkan Tamil Nadu, India yang mengutamakan tema penuntutan kemerdekaan benua kecil India, cinta, perperangan, masalah sosial seperti kasta, dowry dan kemiskinan.

Terdapat beberapa faktor yang membantu perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Kehidupan masyarakat India yang serba kekurangan merupakan salah satu sebab utama penghasilan karya sastera moden iaitu cerpen. Selepas zaman pendudukan Jepun, kesedaran nasionalis tempatan dan perkembangan akhbar menyebabkan masyarakat India telah berjaya menghasilkan sastera tulen. Kebanyakan cerpen-cerpen di sekitar tahun 1960-an ini berasaskan cerpen yang bertemakan tanah air. Selain daripada itu, hasil penulisan cerpen-cerpen Tamil Malaysia juga membincangkan taraf kehidupan masyarakat India serta masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh mereka.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Nilai kemanusiaan merupakan amalan baik yang perlu ada pada setiap manusia supaya segala tindakan mereka tidak menyeleweng dari norma-norma sosial yang dikehendaki dalam masyarakat. Cerpen-cerpen yang menggambarkan kehidupan masyarakat India di negara ini mempunyai kesan sejarah penting yang boleh direnunggi bersama. Kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan ialah karya sastera yang berpotensi memaparkan nilai kemanusiaan masyarakat India. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen beliau secara tidak langsung menunjukkan interaksi manusia dalam masyarakat.

Selain itu, nilai kemanusiaan dalam cerpen-cerpen beliau juga mempunyai persamaan dengan nilai-nilai dan adat ketimuran masyarakat India. Sudah pasti kajian yang akan dijalankan menemui banyak nilai positif. Seruan untuk menanam nilai kemanusiaan dapat dipenuhi dengan membaca cerpen-cerpen Mu.Anbuchelvan. Tidak dapat dinafikan bahawa cerpen memainkan peranan yang penting untuk membentuk masyarakat yang gemilang. Amat sesuai kajian tentang nilai kemanusiaan ini dalam kumpulan cerpen yang dihasilkan oleh Mu.Anbuchelvan khususnya kerana hasil penulisannya mempunyai makna yang mendalam yang perlu diselongkar dan diperhalusi kerana menyelitkan mesej-mesej kemanusiaan yang ingin disampaikan oleh cerpenis kepada masyarakat.

Nilai kemanusiaan seperti kasih sayang, bertanggungjawab, keinsafan, pengorbanan dan banyak lagi dibicarakan dalam kumpulan cerpen beliau. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen ini akan dapat memberikan penghayatan yang lebih kepada para pembaca; kerana kebanyakan nilai kemanusiaan yang diterapkan dalam kumpulan cerpen ini merupakan nilai kemanusiaan yang terdapat di sekeliling masyarakat India pada masa kini.

Semua permasalahan yang diutarakan dalam cerpen-cerpen tersebut menunjukkan pengarang begitu sensitif dengan persoalan kemanusiaan. Ini dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat dan khayal tempatan. Dengan mengkaji nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen ini akan memberi kesedaran dan keinsafan kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini dianggap tepat dan kena pada masanya sebagai merintis usaha untuk menumbuhkan kesedaran dan menyuburkan penghayatan nilai kemanusiaan itu. Kajian nilai kemanusiaan perlu dilakukan terhadap kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan bagi mengenali nilai kemanusiaan masyarakat India. Masyarakat India dapat dikesan telah mengalami keperitan hidup; ini ada hubungannya dengan persoalan kemanusiaan.

Pemilihan tajuk kajian ini adalah bersesuaian dengan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini. Antara permasalahannya ialah kurang penerapan dan pendedahan nilai kemanusiaan dalam realiti kehidupan mereka.

Permasalahan kemerosotan nilai kemanusiaan ini; istimewanya sedang dihadapi daripada kalangan remaja dan kajian nilai kemanusiaan ini sangat relevan dengan

keperihalan tersebut. Kesemua permasalahan tersebut akan dianalisis berdasarkan cerpen-cerpen kajian.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang berjudul nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan ini dibuat berpandukan kepada objektif-objektif berikut:-

- i. Mengenal pasti nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.
- ii. Menganalisis unsur pengajaran yang terdapat dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.
- iii. Meneliti aspek kesan terhadap watak dan perwatakan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan.

1.5 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan?
- ii. Apakah unsur pengajaran yang terdapat dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan?
- iii. Apakah aspek kesan terhadap watak dan perwatakan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan?